

08 OCT 1999

Rais-Tindakan

MEREKA YANG MENGELIRUKAN RAKYAT PATUT DIHUKUM

MACHANG, 8 Okt (Bernama) -- Veteran Umno Datuk Dr Rais Yatim berkata, usaha parti pembangkang untuk mengelirukan rakyat menerusi mahkamah patut dihentikan segera bagi menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, tindakan boleh diambil melalui pelbagai cara termasuk mendakwa di mahkamah mereka yang terlibat.

"Jika tindakan tidak diambil, parti pembangkang mungkin mengeluarkan banyak lagi fitnah yang mengelirukan demi kepentingan politik mereka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah di Pulau Chondong dekat sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas, yang kerajaan sedang menimbang tindakan undang-undang terhadap Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh kerana membuat kenyataan berunsur fitnah di mahkamah.

Karpal membuat kenyataan yang membayangkan orang atasan dalam kerajaan berkonspirasi untuk meracun bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir berkata, tindakan undang-undang itu akan diambil jika ada asas yang kuat kerana Karpal yang juga peguambela Anwar menggunakan mahkamah untuk berkempen demi kepentingan partinya, bukan bagi perbincangan semata-mata.

Rais yang juga seorang peguam, yakin rakyat tidak akan percaya lagi tuduhan yang dilemparkan oleh parti pembangkang dan kerajaan boleh meneruskan usaha membina negara ini tanpa kekacauan oleh penyokong parti pembangkang.

Rais juga berkata orang Melayu mesti menerima hakikat bahawa PAS bukan Islam dan Islam itu bukan PAS sekiranya mereka mahu meneruskan perjuangan kedudukan bangsa dan agama dalam alaf baru.

Beliau berkata, orang Melayu tidak boleh bergantung kepada pemikiran yang tidak selaras dengan Islam itu sendiri dengan menerima hakikat yang PAS ialah ciptaan manusia.

Menurut beliau, agenda perjuangan Melayu tidak boleh dicapai melalui perjuangan PAS kerana pemimpin mereka hanya lebih mementingkan siapa menjadi Perdana Menteri berbanding perjuangan ke arah penyatuan bangsa dan kepentingan agama.

Sebagai bukti mereka lebih suka berpelukan dan bersekongkol dengan pemimpin DAP daripada menyanjung pemimpin Umno yang seagama dan sebangsa, katanya.

-- BERNAMA.

WM PR